



Oleh:
**ALIAS
MOHAMED**

MENTERI Dalam Negeri ketika itu ialah Ghazali Shafie. Beliau disifatkan sebagai seorang yang bijak dan banyak membuat perancangan-perancangan untuk orang Melayu. Beliau dikatakan lebih kerap menemui Tun Hussein daripada Dr. Mahathir. Seorang lagi yang sering berada dengan Tun Hussein ialah Peguam Negara.

Ghazali Shafie diperhatikan sebagai seorang pemimpin Melayu yang 'ambitious' dan bercita-cita untuk memegang jawatan Perdana Menteri. Tetapi apabila peluang itu tiba pada bulan Januari 1976 akibat kematian Tun Razak, sikap UMNO dan para pemimpin atasan nampaknya menentang perantukan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beliau telahpun menjadi Menteri dalam tahun 1970 menerusi jawatan Senatornya. Dalam tahun 1972 setelah menang pilihanraya kecil Lipis, Ghazali Shafie dilantik semula menjadi Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas, iaitu jawatan yang dipegangnya dalam tahun 1971 menerusi jawatan Senator.

Dalam tahun 1973, Ghazali menjadi Menteri Dalam Negeri di samping portfolio Penerangan. Dalam rombakan kabinet 22 Disember 1973, beliau sekali lagi dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri, sehinggalah tahun 1981 apabila beliau bertukar ke Kementerian Luar Negeri.

Jadi ketika Tun Razak mencari orang-orang baru dan berpelajaran tinggi serta berpengalaman untuk diberi kedudukan dalam kerajaan, Ghazali

MALAYSIA,

UMNO

DI ZAMAN

KING GHAZ

Dr Mahathir Mohamad

W.S. 7 OCT '85

adalah salah seorang daripada beberapa orang yang terpilih, di samping Dr. Mahathir, Rahman Yaacob, Tengku Razaleigh dan Musa Hitam.

Sebagaimana yang telah diterangkan, di antara tahun-tahun 1974-76 UMNO menghadapi zaman pancaroba bagi julung-julung kalinya sejak ujian 13 Mei 1969. Tun Razak berada di tahun-tahun akhir tamatnya lima tahun beliau memimpin negara. Oleh kerana pada masa itu golongan apa yang digelar 'Old Guards' atau 'Order Lama', yang terus bercita-cita untuk mengambil alih pucuk pimpinan parti masih berpengaruh, di samping bilangannya masih ramai, perubahan dan pembaharuan yang telah dan ingin diterapkan oleh Tun Razak tidak diterima oleh golongan ini dengan senang.

Kenyataan-kenyataan mereka pada ketika itu menunjukkan dengan jelas tentangan mereka terhadap Tun Razak. Tetapi dalam mereka berbuat demikian, mereka sentiasa waspada untuk tidak melukakan hati Perdana Menteri. Sebaliknya mereka menunjukkan kecaman-kecaman mereka terhadap 'golongan muda di sekeliling Tun Razak'.

Walaupun Ghazali juga dianggap orang pilihan Tun Razak, beliau tidak diusik oleh golongan 'Old Guards'. Mungkin mereka bimbang kerana Ghazali ialah Menteri Dalam Negeri. Tetapi perkembangan dalam tempoh tiga empat tahun itu nampaknya tidak begitu.

Beliau nampaknya dimasukkan ke dalam golongan 'Old Guards' sebagai tokoh yang mempunyai cita-cita tinggi dalam pucuk pimpinan parti, sungguhpun dalam tahun 1976 orang yang dianggap saingan politiknya, iaitu Datuk Harun Idris, tidak mungkin lagi dapat mencabar kelayakannya untuk mencapai cita-cita yang lebih tinggi.

Dalam tahun 1974, ada pengulas dan pemerhati politik yang ingin membuat kesimpulan Datuk Harun sedang bersaing dengan sengitnya dengan Ghazali Shafie untuk merangkul jawatan-jawatan penting dalam parti. Oleh sebab itu, apabila Tan Sri Abdul Samad Idris, yang ketika itu menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, menentang Datuk Harun untuk merebut kerusi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, pemerhati-pemerhati ini beranggapan Tan Sri Abdul Samad bukan sahaja 'protege' Tun Razak malahan juga 'suruhan' Ghazali Shafie.

Apa yang sebenarnya berlaku mungkin tidak seperti itu, tetapi tidak ada bukti yang menunjukkan Ghazali tidak bersaing hebat dengan Datuk Harun.

Seperti yang saya terangkan, persaingan ini mula reda pada akhir tahun 1975 setelah Datuk Harun didapati berhadapan dengan kesnya yang melibatkan rasuah. Dengan tiadanya saingan seperti Datuk Harun, maka bukan tidak mungkin ba-

gi Ghazali untuk menghisap nasibnya bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri apabila Tun Razak meninggal dunia dalam bulan Januari 1976.

Setelah Dr. Ismail meninggal dunia dalam tahun 1973, nama Ghazali Shafie memang disebut-sebut sebagai salah seorang pemimpin UMNO yang berwibawa, yang mempunyai kemungkinan besar untuk mendapat kedudukan dalam pucuk pimpinan sekiranya terjadi apa-apa kepada Tun Razak.

DESAS-DESUS

Mungkin kerana beliau dianggap 'arrogant' dan tidak diplomatik, maka beliau tidak disenangi dalam UMNO ketika beliau menjadi Menteri Dalam Negeri, lebih-lebih lagi dalam tempoh dua tahun sebelum Tun Razak meninggal dunia.

Oleh itu, walaupun namanya sentiasa disebut-sebut sebagai calon Timbalan Perdana Menteri apabila Tun Hussein Onn mengambil alih pentadbiran negara, ada desas-desus yang mengatakan ketiga-tiga Naib Presiden UMNO ketika itu - Ghafar, Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh - akan meletakkan jawatan sekiranya salah seorang daripada mereka tidak dilantik ke jawatan TPM.

Saya telah menerangkan di atas kekecohan besar telah berlaku dalam negara akibat penangkapan Samad Ismail dan kemudian disusuli dengan Datuk Abdullah Ahmad, Abdullah Majid dan be-

berapa orang lagi tokoh parti pembangkang dan parti komponen Barisan Nasional dalam bulan-bulan terakhir 1976, iaitu yang sebenarnya adalah ekoran dari penangkapan dan pengakuan dua orang wartawan Singapura, Hussein Jahidin dan Azmi Mahmud.

Sebelum peristiwa penangkapan dan pengakuan ini Pergerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinan Syed Jaafar Albar dan beberapa orang tokoh 'Order Lama' telah lama melancarkan kempen anti Komunis dan sosialis.

Ghazali Shafie, sungguhpun beliau dikaitkan dengan golongan 'witch-hunters' dan 'McCarthyists' beberapa bulan selepas Tun Razak meninggal dunia, pernah menjadi sasaran golongan 'Order Lama' mengenai isu 'Sistem Satu Parti' yang beliau cadangkan dari masa ke semasa ketika itu.

Oleh yang demikian, Ghazali mungkin menjadi tokoh penting dalam tangkapan-tangkapan tokoh profesional dan berkedudukan penting dalam parti dan kerajaan pada akhir tahun 1976, tetapi beliau tidak dipercayai oleh golongan 'Order Lama'. Satu titik di mana mereka dianggap sebagai bekerjasama dan mengimpikan cita-cita bersama ialah mereka berlumba untuk menguasai parti dan kerajaan.

Pada ketika Tun meninggal dalam bulan Januari 1976, UMNO pada keseluruhannya bimbang negara dan parti itu akan terjatuh ke tangan golongan 'Order Lama' yang konservatif dan tidak

profesional. Tetapi dalam UMNO terdapat juga golongan-golongan yang khuatir apa yang berlaku bukan sahaja merupakan sebahagian dari permainan politik tokoh-tokoh parti yang bercita-cita tinggi, tetapi juga apa yang diasaskan oleh Tun Razak akan musnah dan negara akan kembali ke zaman 1960an.

TELAH DIPECAT

Pendapat-pendapat yang berbelah bahagi dalam UMNO ini menyebabkan sokongan terhadap Ghazali Shafie (yang memang tidak begitu ramai kerana tidak popular di peringkat 'grassroots') menjadi lemah. Pergerakan Pemuda UMNO juga berpecah. Satu golongan masih setia kepada Datuk Harun, sementara satu golongan lagi, setelah mengesan kemahuan pucuk pimpinan, taat kepada hasrat untuk mengekalkan kepimpinan progresif dalam UMNO.

Pada pertengahan hingga akhir tahun 1976, sokongan kepada Datuk Harun dan 'Order Lama' berpindah kepada Syed Jaafar Albar kerana Harun ketika itu telahpun dipecat daripada UMNO (tetapi beliau diterima semula pada pertengahan tahun 1976).

Perkembangan-perkembangan inilah yang mencorakkan nasib Ghazali Shafie, apabila tiba waktu Tun Hussein Onn membuat keputusan untuk memilih Timbalannya pada awal tahun 1976.

W 5-7 OCT 95

SHAFIE

Kalau tidak kerana tindakan-tindakannya yang menyebabkan beberapa orang pemimpin UMNO lain menganggap beliau menyimpan cita-cita besar untuk dirinya sejak beliau dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri dalam tahun 1973 hingga saat-saat Tun meninggal, Ghazali berkemungkinan besar mendapat sokongan 'Order Lama' dan Pergerakan Pemuda UMNO.

Ghazali Shafie, seperti yang diketahui, bukan sahaja seorang perencana yang matang bahkan juga seorang 'tactician' yang mahir. Dia dipercayai bertanggungjawab menggubal Rukunegara dan menyediakan konsep Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua. Dalam zaman Perang Dunia Kedua, beliau menjadi pegawai Perisik bagi Tentera Berikat dan menjadi anggota yang aktif dalam pasukan Resistance Movement dalam Force 136.

Peranannya dalam pembentukan Malaysia banyak sekali. Dialah yang menjadi jurucakap negara kita dalam zaman Konfrantasi dengan Indonesia dan tututan Filipina ke atas Sabah. Peranannya yang lain, terutama dalam hubungan antarabangsa, akan menyebabkan satu senarai yang panjang mungkin terpaksa disediakan.

Memadailah dengan mengetahui kepakarannya merencana dan melaksanakan taktik yang akhirnya menyebabkan beliau tidak popular, sebagaimana yang pernah disebut oleh bekas Pengerusi PSMR, Kassim Ahmad, dalam bukunya Universiti Kedua itu.

Maka dengan jawatannya sebagai Menteri Da-

maka beliau selalu menggunakan peluang itu dan menyatakannya dengan berkesan.

Sebenarnya Dr. Mahathir membawa 'vision' kepada rakyat. Kenyataan-kenyataan akhbar dan ucapan-ucapannya – walau betapa kecil dan mudah – menjadi renungan dan sumber inspirasi kepada kawan dan lawan. Ia menyebabkan orang berfikir panjang dan mendalam. Bagi yang tidak begitu membiasakan diri dengan 'self-criticism', Mahathir menunjuk jalan kepada mereka tentang faedahnya berbuat demikian.

Kesan dari semua ini ialah pemimpin-pemimpin yang lemah ingin menjadi kuat, yang angkuh mula terhantukkan kepalanya sendiri dan yang malas mula mencari jalan untuk menjadi rajin dan usaha.

Tetapi gading mana tidak retak? Dr. Mahathir juga mempunyai kelemahan jika ada orang-orang yang ingin melihat bahagian-bahagian tertentu dari tindakan-tindakan dan prestasi beliau sebagai lemah.

Untuk satu kajian terperinci dan yang objektif

mencapai tujuannya apabila tiba tahun 1990 untuk membolehkan orang Melayu memiliki 30 peratus daripada kekayaan negara, usaha-usaha nampaknya sedang berjalan rancak untuk menemui matlamat tersebut.

Jika Dasar Ekonomi Baru terpaksa digantikan satu nama lain apabila tamat tempoh DEB dalam tahun 1990 nanti, maka ini bukanlah bermakna DEB tidak tercapai matlamatnya. Menteri Pertanian, Anwar Ibrahim, telah berjanji bahawa cara-cara baru yang lebih berkesan sedang diselidik supaya kemiskinan orang Melayu tidak begitu luas jurangnya dengan orang bukan Melayu.

Walaupun DEB mungkin dapat mencapai matlamatnya, kemiskinan tetap wujud. Oleh itu dasar-dasar baru diperlukan untuk menghadapi masalah-masalah dan bentuk-bentuk baru kemiskinan dan ketidak-imbangan pendapatan antara yang berada dan tidak berada.

Rancangan Malaysia Kelima (RML) dan pengubahan dasar-dasar untuk menggantikan DEB akan menguji 'vision' Dr. Mahathir mengenai ne-

bali oleh Mahathir supaya orang-orang Inggeris ini melihat kekacauan dan kemusnahan dalam jantung dan nadi negara mereka sendiri.

Penjajahan Inggeris yang lama di negara kita dan di negara-negara yang dijajah adalah punca kemiskinan dan ketidakstabilan di negara-negara ini, jika kita masih perlu menyalahkan orang lain kerana kelemahan-kelemahan kita.

Berbalik kepada sejarah mungkin boleh menolong kita untuk mengenal pasti masalah-masalah kita. Tetapi jika sentimen dan emosi rakyat selalu sangat diminta kembali ke zaman lampau ia akan menjadi negara kita hanya mampu mengelamun tetapi tidak mencapai apa-apa. Inilah nasihat Mahathir tentang keburukan mengagungkan sejarah secara berlebihan.

Sementara penjajahan tetaplah buruk dan mendatangkan kesusahan kepada rakyat, penjajahan bentuk baru (neo-colonialism) lebih memusnahkan lagi kepada jiwa dan mental rakyat. Mahathir sering menyeru kepada sikap positif supaya kita tidak tertakluk kepada fikiran-fikiran yang negatif. Beliau menyeru kepada kebaikan supaya kejahatan dan keburukan tidak menjadi amalan yang sukar dikikis dan merugikan bangsa dan agama.

Beliau kecam penjajahan komunis di Kampuchea dan mengkritik dengan pedasnya sikap Republik Rakyat China membantu Parti Komunis Malaya menjalankan kegiatan subversif dan mengganas di negara ini. Peranan Vietnam sebagai duri dalam daging negara-negara di rantau ini menyudahkan rakyat Kampuchea dan Thailand dengan

'Walaupun nama Ghazali Shafie disebut-sebut sebagai calon Timbalan Perdana Menteri bila Tun Hussein Onn ambil alih pentadbiran negara, ada desas-desus

lam Negeri dan tindakan-tindakan yang diambil di antara 1973 hingga 1976 (walaupun dia terus menjadi Menteri Dalam Negeri dalam Kabinet Mahathir) dia lebih lagi tidak popular dan dicurigai.

Oleh yang demikian, kita dapat menyaksikan bahawa walaupun ada percubaan-percubaan untuk mempersoalkan kredibiliti Dr. Mahathir ketika beliau muncul dalam kabinet Tun Razak dan kemudian dalam kabinet Tun Hussein, sehinggalah berlaku beberapa perkembangan lain (kemati-an Syed Jaabar dalam bulan Januari 1977, Pilihan-raya Umum 1978 ketika Tun Hussein menjadi Perdana Menteri dan akhirnya pengunduran Tun Hussein pada tahun 1981), namun usaha-usaha ini dapat dipatahkan oleh kewibawaan Mahathir sendiri sebagai seorang tokoh yang sukar ditandingi oleh keyakinan Pergerakan Pemuda UMNO terhadap asas-asas yang dibina oleh Tun Razak dan oleh keraguan UMNO di semua peringkat terhadap kejuruan 'Old Guards'.

Kenyataan-kenyataan Mahathir yang sangat tajam dan tepat terhadap beberapa peristiwa besar yang berlaku dalam negara dan di rantau Asean serta perkembangan di seluruh dunia cepat diterima dan dipersetujui oleh sebilangan besar rakyat. Kesemua ini penting kerana ia menyokong kredibiliti beliau sebagai seorang pemimpin dan 'statesman in the making'.

Walaupun beliau mempunyai platform dan 'authority' yang cukup kuat untuk beliau gunakan bagi memperkukuhkan kedudukannya dalam kabinet Tun Hussein, beliau tidak menggunakan jawatan Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri bagi maksud itu.

Sebagaimana yang sering diucapkan, beliau tidak peduli sangat kepada jawatan dan kuasa. Tetapi apabila ada peluang di mana beliau boleh menyatakan sikapnya tanpa sembunyi dan selindung,

mengatakan ketiga-tiga Naib Presiden UMNO ketika itu – Ghafar, Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh akan meletakkan jawatan sekiranya seorang dari mereka tidak dilantik ke jawatan itu...'

tentang kelemahan-kelemahannya memang sukar dilakukan. Apa yang dianggap lemah oleh seseorang mungkin dianggap kuat oleh orang lain. Begitu juga sebaliknya.

Dasar-dasarnya tentang 'Pandang Ke Timur', 'Malaysia Incorporated', 'Pengswastan' dan rancangan untuk mengeluarkan kereta sendiri dikritik oleh para pengkritik dari masa ke semasa. Demikian juga sistem 'punch card' dan menelaraskan waktu dengan Sabah dan Sarawak. Tetapi setelah hampir lima tahun beliau menjadi Perdana Menteri pengkritik-pengkritik beliau yang begitu bersemangat dahulu mula mencari tempat persembunyian masing-masing.

Dalam tahun 1970 ketika menulis 'The Malay Dilemma', ekonomi 'corporate' orang Melayu hanya 1 peratus sahaja. Dalam tahun 1981 ketika beliau menjadi Perdana Menteri, bahagian orang Melayu dalam kekayaan negara meningkat menjadi 12 peratus. Hari ini bahagian itu menjadi 18 peratus.

Sungguhpun beberapa kenyataan telah dibuat oleh menteri-menteri yang menyatakan kebimbangan mereka Dasar Ekonomi Baru tidak akan

gara dan rakyat yang beliau ingin wujudkan. Sejak 12 tahun yang lalu Dr. Mahathir banyak memerhatikan dan bertindak untuk menyesuaikan dengan keyakinan dan cita-citanya. Tetapi nampaknya inilah julung-julung kalinya beliau akan dapat menerapkan idea-ideanya dalam perancangan ekonomi dan pembangunan jiwa dan jasmani rakyat tanpa diganggu oleh sesiapa.

Penggubalan Rancangan Malaysia Kedua dan DEB sering dikaitkan dengan Ghazali Shafie. Malah beliau sendiri tidak bersembunyi mengenai hal ini. Apabila beliau dilantik sebagai Menteri dengan Tugas-Tugas Khas pada 23 September 1970, Ghazali diberi tanggungjawab menggubal DEB dan Rancangan Malaysia Kedua.

Kejayaan Mahathir di bidang antarabangsa telah diakui oleh semua pihak sekarang. Dengan isu pendaratan MAS dan 'Buy British Last' sahaja beliau memaksa Margaret Thatcher datang ke Kuala Lumpur.

Ketidastabilan yang berlaku di Malaysia yang sering dikaitkan oleh wartawan-wartawan British dan Australia dengan kemiskinan rakyat dan perhubungan kaum yang tegang 24 jam, dikritik kem-

kesannya merebak ke seluruh negara-negara Asean yang lain termasuk Malaysia.

Sikap Vietnam boleh menyebabkan ekonomi negara-negara yang terlibat, termasuk Vietnam dan negara-negara Asean sendiri, terjejas dengan teruknya kerana banyak waktu dan tenaga yang sepatutnya boleh dikumpulkan untuk kemajuan ekonomi bersama, digunakan untuk memodenkan pasukan tentera dan pengumpulan senjata.

Dengan Singapura jelaslah Mahathir menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mula disegani. Pemimpin-pemimpin Singapura yang tidak pernah menaruh minat dan berfikir positif terhadap Malaysia sekonyong-konyong mengirim lawatan demi lawatan untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin Malaysia.

Kerjasama dengan Indonesia dipergiatkan dalam beberapa bidang tertentu. Demikian juga dengan Thailand, terutama dalam bidang ekonomi perubatan, import-eksport dan kawalan sempadan. Semua kegiatan-kegiatan ini dilakukan dalam konteks kesedaran tentang perlunya negara kita berusaha untuk tidak mengharapkan terlalu banyak dari negara-negara maju.

Lawatan-lawatan pemimpin antara Malaysia dan negara-negara Pasifik ada kaitan dengan dasar tidak terlalu mengharapkan kuasa-kuasa besar dan negara-negara industri yang sudah maju. Di kalangan negara-negara Islam dan Arab mula diakui sebagai seorang pemimpin yang patuh kepada agama dan 'a force to be reckoned with'. Kekerapan beliau menghadiri Sidang Bangsa-Bangsa Bersatu menjadikan Malaysia terkenal di seluruh dunia.

BERSAMBUNG